

Motivasi Pekerja Cemerlang

Tahukah anda bahawa produktiviti kerja akan meningkat dan seterusnya membawa keuntungan yang lebih besar kepada syarikat atau organisasi jika pekerja berasa bersemangat dan mempunyai motivasi yang tinggi?

Tahukah anda bahawa kekuatan dalaman yang kuat dan minda yang positif adalah sangat penting untuk menaikkan semangat para pekerja anda?

Pengenalan

Terdapat ramai majikan, pengurus, ketua jabatan dan mereka di bahagian Sumber Manusia seringkali merungut dengan sikap, disiplin, komitmen, fokus dan produktiviti sebilangan pekerja di organisasi atau syarikat mereka. Mereka telah melakukan banyak program untuk menyelesaikan masalah ini termasuklah dengan menaikkan pangkat dan gaji tetapi para pekerja ini tetap menimbulkan masalah. Isu sebenar di sini adalah disebabkan dari segi dalaman diri pekerja itu sendiri di mana corak pemikiran, ketahanan mental dan sikap berani untuk berubah adalah merupakan perkara utama yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Kursus dua hari yang bercorak Motivasi ini mampu membantu para pekerja berada di atas landasan yang betul untuk cemerlang dalam kerjaya.

Objektif Program

Matlamat program ini ialah:

- Mempunyai kesedaran diri sendiri yang tinggi sebelum boleh memainkan peranan dan tanggungjawab di pejabat serta memikul harapan yang diamanahkan kepada mereka oleh majikan.
- Tahu bagaimana untuk mendorong diri sendiri menggunakan teknik memperkasa diri yang akan dilatih sepanjang kursus ini.
- Peserta tahu bagaimana membina keseronokan bekerja dan merasa tenang berada di tempat kerja kerana dia bijak mengendalikan emosinya.

Hasil Pembelajaran

Setelah mengikuti program ini, para peserta akan:

- Mempunyai kesedaran diri yang tinggi dan mengetahui kekuatan dan kelemahan diri mereka dan rakan-rakan sekerja dimana ianya akan dapat menjadikan mereka bekerja sebagai satu pasukan yang kuat.

- Mengetahui apakah halangan-halangan yang mengganggu mereka untuk mencapai apa yang mereka mahukan dan seterusnya bertindak untuk menghindari halangan-halangan tersebut dari terus membelenggu mereka.
- Menjadi seorang yang pekerja yang luar biasa dengan mempunyai kekuatan minda dan pemikiran yang lebih positif dengan menggunakan teknik 'Law of Attraction' dan 'Visualization'
- Boleh melakukan kerja dengan tahap pengawasan yang rendah dan mampu berdikari, bersatu hati, berkeyakinan tinggi dan dapat melakukan sebarang perubahan yang dikehendaki oleh organisasi.
- Lebih komited terhadap kerja, bersemangat tinggi dan bersungguh-sungguh serta seronok dengan tugas mereka.

Siapa Yang Perlu Hadir?

Semua pekerja yang mahu untuk berubah kepada yang lebih baik dan mahu meningkatkan kesedaran diri, semangat dan motivasi mereka supaya menjadi lebih produktif dan lebih merasa seronok semasa bekerja.

Metodologi

Ceramah, latihan dalam kumpulan, tayangan video, demonstrasi langsung, kajian kes, perbincangan, permainan, dan soal jawab.

Kerangka Latihan

Masa	Hari Pertama
9.00am – 10.30am	Mengenali Diri Di dalam modul ini, para peserta akan diajar bagaimana pentingnya untuk mereka mengenali diri masing-masing agar ianya boleh dijadikan titik-tolak bagi mereka untuk membuat perhubungan yang lebih akrab dan mencipta suasana pekerjaan yang harmonis
10.30am-11.00am	Rehat
11.00am-1.00pm	Mengenali Diri (sambungan) Di dalam modul ini, para peserta akan dapat memperkasakan diri mereka dengan mengetahui apakah kekuatan dan kelemahan diri masing-masing di mana mereka boleh menjadikannya untuk maju

	ke hadapan dan menjadi pekerja yang cemerlang dan luar biasa
1.00pm – 2.00pm	Makan Tengahari
2.00pm - 5.00pm	Refleksi Diri Di dalam modul ini, para peserta akan membuat refleksi diri dimana mereka membuat suatu “Pie Kehidupan” dan akan mengenal-pasti “Big Rocks” atau musuh-musuh motivasi diri yang terdapat di dalam diri mereka yang menghalang mereka untuk berubah kepada menjadi individu yang lebih baik.
Masa	Hari Kedua
9.00am – 10.30am	Apa Yang Saya Inginkan Dalam Pekerjaan? Di dalam modul ini, peserta akan mengetahui tentang matlamat kerjaya mereka, dan mencapainya dengan mudah dan berkesan melalui konsep Siddiq, Amanah, Tabligh & Fathonah agar mereka dapat menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat.
10.30am – 11.00am	Rehat
11.00am – 1.00pm	Apa Yang Saya Inginkan Dalam Pekerjaan? (sambungan) Di dalam modul ini, para peserta akan diperkenalkan dengan konsep ‘Visualisation’ dimana ianya boleh digunakan untuk mencapai matlamat mereka untuk menjadi pekerja cemerlang yang hebat dan sentiasa bersemangat tinggi di dalam sebuah organisasi
1.00pm – 2.00pm	Makan tengahari
2.00pm – 5.00pm	Bagaimana Mencapai Impian Supaya Menjadi Pekerja Cemerlang? Di dalam modul ini, para peserta akan belajar tentang kekuatan minda separa sedar ataupun apa yang dipanggil sebagai ‘Law of Attraction’. Mereka akan belajar tentang perbezaan antara minda sedar vs minda separa sedar dan bagaimana mereka boleh memprogramkan minda separa sedar bagi membentuk tingkah-laku positif, membawa sebarang perubahan untuk sentiasa menjadi pekerja cemerlang dan bermotivasi tinggi

